

31/03/2003

Masyarakat perlu syukuri nikmat pembangunan

PEKAN: Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Razak, mengingatkan masyarakat luar bandar supaya tidak mengetepikan kuasa dan tampuk pemerintahan kerajaan yang ada, semata-mata kerana mendengar fitnah pembangkang.

Sebaliknya, beliau berkata, rakyat perlu bersyukur kerana menikmati pembangunan dan jasa kerajaan selepas bersusah payah mencapai kemenangan dalam pilihan raya.

"Jangan seperti pembangkang yang lupa dunia ketika berkempen, tetapi apabila mencapai kemenangan rakyat pula merana, selain janji tidak ditunaikan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian program Pemimpin Bersama Rakyat dan Kuarters Institusi Pendidikan Kelompok Chini, di padang Sekolah Menengah Felda Chini oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak dan Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Tan Sri Rozali Ismail.

Mohd Najib menyampaikan mesej itu dalam beberapa rangkap pantunnya yang berbunyi:

"Orang Pekan, saya nak sebut,
Segala bantuan kita dah sambut,
Janganlah kuasa, kita nak ragut,
Mendengar fitnah yang karut marut."

Najib berkata, rakyat perlu bersatu hati supaya kuasa yang ada tidak luntur, selain negeri ini terus aman dan makmur.

Selain itu, beliau turut menegaskan mengenai sokongan padu bagi Umno bahagian Pekan kepada Abdullah untuk memimpin parti dan negara selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berundur Oktober ini.

Katanya, kehadiran Abdullah merasmikan kuarters guru bernilai RM56 juta yang membabitkan pembinaan 466 unit kediaman selesa tiga bilik itu, amat dihargai.

Sepanjang tiga hari program GWGF di Gugusan Felda Chini, pelbagai kegiatan dijalankan termasuk pertandingan Motocross, program anak angkat dan memasak bubur lambuk.

Pakar membuat bubur lambuk dari Masjid Kampung Baru, Kuala Lumpur dan Masjid Al-Badwi, Kuala Batas, Pulau Pinang didatangkan khas untuk membantu memasak 55 periuk bubur lambuk.